HILA LUDIN ABU HAZIM

lwn.

MALAYSIA-THAILAND JOINT AUTHORITY (NO 2)

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
NIK HASHIM H
[GUAMAN SIVIL NO: S7-22-614-99]
27 NOVEMBER 2000

PROSEDUR SIVIL: *Tindakan - Tindakan plaintiff perkhidmatannya ditamatkan oleh defendan/majikan secara bersalah - Samada tindakan plaintiff melalui writ saman dan pernyataan tuntutan patut dibenarkan - Samada plaintiff patut membawa tindakannya ke Mahkamah Perusahaan dibawah s. 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 - Samada defendan sebuah badan berkanun - Samada s. 20 tidak terpakai*

PROSEDUR SIVIL: *Pliding - Writ saman dan pernyataan tuntutan - Samada mendedahkan kausa tindakan yang munasabah - Samada tuntutan plaintiff bahawa perkhidmatannya ditamatkan oleh defendan/majikan secara bersalah patut dibawa ke Mahkamah Perusahaan dibawah s. 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 - Samada defendan sebuah badan berkanun - Samada s. 20 tidak terpakai*

Melalui writ saman dan pernyataan tuntutan, plaintif telah memohon untuk deklarasi dan gantirugi bagi penamatan perkhidmatannya oleh defendan/majikan secara bersalah dan bertentangan dengan undang-undang. Defendan membuat permohonan untuk membatalkan writ saman dan pernyataan plaintif tersebut atas alasan yang plaintif harus membawa tindakannya ke Mahkamah Perusahaan di bawah s. 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Penolong Kanan Pendaftar membenarkan permohonan defendan tersebut. Maka rayuan plaintif ini.

Plaintif berhujah bahawa defendan ialah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Malaysia-Thailand Joint Authority 1990. Oleh itu, berdasarkan s. 52 Akta Perhubungan Perusahaan 1967, s. 20 Akta tersebut tidak terpakai bagi seseorang yang berkhidmat dengan kerajaan atau dengan mana-mana badan berkanun.

Defendan pula berhujah bahawa plaintif gagal mengemukakan sebarang autoriti bahawa defendan ialah sebuah badan berkanun dalam makna s. 52 Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Maka tuntutan plaintif harus dibatalkan.

Diputuskan:

[1] Menurut s. 52 Akta Perhubungan Perusahaan 1967, s. 20 tidak terpakai kepada mana-mana perkhidmatan kerajaan atau perkhidmatan autoriti berkanun atau kepada mana-mana pekerja yang berkhidmat di bawah kerajaan atau autoriti berkanun.

[2] Seksyen 2 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 mentafsirkan autoriti berkanun dengan terang dan mencukupi sebagai suatu autoriti atau badan yang ditubuh, dilantik atau dijadikan oleh mana-mana undang-undang bertulis dan termasuk autoriti tempatan.

[3] Seksyen 3(1) Akta Malaysia-Thailand Joint Authority 1990 menubuhkan defendan sebagai sebuah badan bernama "Malaysia-Thailand Joint Authority". Walaupun Akta tersebut tidak nyatakan dengan khusus bahawa defendan ialah sebuah badan atau autoriti berkanun, namun dengan wujudnya tafsiran autoriti berkanun atau "statutory authority" di bawah s. 2 Akta Perhubungan Perusahaan 1967, maka adalah cukup jelas bahawa defendan ialah sebuah badan atau autoriti berkanun yang ditubuhkan dibawah suatu undang-undang bertulis, iaitu Akta Malaysia-Thailand Joint Authority 1990.

[3a] Oleh kerana tuntutan plaintif terbabit atas perkhidmatan dengan defendan sebagai autoriti berkanun, maka Akta Perhubungan Perusahaan jelas tidak terpakai kepada defendan. Tuntutan plaintif tidak boleh dirujuk ke Mahkamah Perusahaan dan dakwaan defendan bahawa plaintif mempunyai remedi alternatif di bawah s. 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 tersalah tanggap.

[Rayuan plaintif dibenarkan dengan kos.]

Kes-kes yang dirujuk:

Kuala Lumpur, Klang & Port Swettenham Omnibus Co Bhd v. Transport Workers' Union [1971] 1 MLJ 102 ***(dirujuk)***

New Straits Times (M) Sdn v. Kumpulan Kertas Niaga Sdn Bhd & Anor [1985] 1 MLJ 226 ***(diikuti)***

Pengkalen Holdings Bhd v. Dato' V Sivaparanjothi [1998] 1 CLJ 164 ***(diikuti)***

Seloga Jaya Sdn Bhd v. Pembenaan Keng Ting (Sabah) Sdn Bhd [1994] 2 CLJ 716 ***(diikuti)***

Tuan Haji Ahmed Abdul Rahman v. Arab-Malaysian Finance Bhd [1996] 1 CLJ 241 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:

Akta International Organizations (Privileges and Immunities) 1992, s. 4
Akta Malaysia-Thailand Joint Authority 1990, s. 3(1)
Akta Perhubungan Perusahaan 1967, ss. 2, 20, 52, Bhg VI
Malaysia-Thailand Joint Authority (Privileges) Regulations 1994, p. 2
Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 18 k. 19(1)(a)

Bagi pihak plaintif - Burhanudeen Abdul Wahid; T/n Shafee & Co
Bagi pihak defendan - Vijayan Venugopal; T/n Shearn Delamore & Co

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

PENGHAKIMAN

Nik Hashim H:

Prakata

Melalui writ saman dan pernyataan tuntutan, pihak plaintif telah memohon untuk perintah-perintah seperti berikut:

1. Satu deklarasi bahawa plaintiff telah dibuang kerja dan perkhidmatan plaintif dengan defendan melalui surat perlantikan bertarikh 11 Oktober 1996 telah ditamatkan oleh defendan secara salah dan bertentangan dengan undang-undang.
2. Gantirugi khas sebanyak USD180,062.96.
3. Gantirugi am.
4. Satu perintah bahawa satu akaun dibuat untuk menentukan segala gaji, elaun, emolumen dan segala manfaat yang plaintif berhak dan bahawa defendan membayar kepada plaintif jumlah yang ditentukan.
5. Faedah.
6. Kos.

Permohonan

Defendan telah memfailkan melalui saman dalam kamar (lamp. 4) untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif di bawah A.18 k. 19(1)(a) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KKMT) atas alasan ia tidak mendedahkan kausa tindakan yang munasabah.

Penolong Kanan Pendaftar (PKP) telah mendengar permohonan itu dan pada 24 April 2000, pihak PKP telah membenarkan permohonan itu dengan kos atas alasan:

> Saya juga telah merujuk kepada s. 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta) di mana seorang pekerja yang menganggap bahawa pemecatannya adalah tanpa sebab dalam alasan yang munasabah boleh membuat representasi secara bertulis kepada Director General supaya diambil kerja semula oleh majikannya. Saya berpuas hati bahawa di dalam kes ini terdapatnya remedi alternatif terhadap pihak plaintif, iaitu dengan membawa tindakannya ke Mahkamah Perusahaan, atau di dalam ertikata lain, plaintif perlu membawa tindakannya

ke forum yang lain. Oleh kerana terdapatnya remedi alternatif yang lain, yang terbuka kepada pihak plaintif, maka pada tahap ini mahkamah tidak boleh campur tangan, meskipun mahkamah masih ada bidangkuasa untuk memberi gantirugi, tetapi oleh kerana permohonan ini telah ditolak atas alasan terdapatnya remedi alternatif yang lain, maka soal gantirugi am dan gantirugi khas juga tidak timbul. Berdasarkan alasan di atas, maka dengan ini saya telah membatalkan writ dan pernyataan tuntutan plaintif dengan kos.

(tekanan diberi)

Plaintif tidak puas hati atas keputusan itu, lalu rayuan ini kepada Hakim Dalam Kamar.

Hujah-Hujah Pihak-Pihak

Encik Burhanudeen Abdul Wahid bagi pihak plaintif berhujah bahawa permohonan defendan adalah tidak bermerit kerana defendan ialah sebuah badan berkanun yang telah ditubuhkan melalui Akta Malaysia-Thailand Joint Authority 1990 (Akta 440) dan oleh itu, berdasarkan kepada s. 52 Akta, maka s. 20 Akta itu tidak terpakai bagi seseorang yang berkhidmat atau bekerja denga kerajaan atau dengan mana-mana badan berkanun, dan seterusnya beliau memetik Akta Majlis Amanah Rakyat 1966 (Akta 489); Akta Statutory Bodies (Accounts and Annual Reports), 1980 (Akta 240); dan kes *Kuala Lumpur, Klang & Port Swettenham Omnibus Co Bhd v. Transport Workers' Union* [1971] 1 MLJ 102 FC untuk menyokongnya. Oleh yang demikian, beliau memohon supaya permohonan defendan ditolak dengan kos.

Manakala Encik Vijayan Venugopal bagi pihak defendan berhujah bahawa defendan ialah suatu pertubuhan antarabangsa di bawah s. 4 Akta International Organizations (Privileges and Immunities) 1992 (Akta 485) dan Regulation 2 Malaysia-Thailand Joint Authority (Privileges) Regulations 1994 (Regulations 1994), dan oleh kerana plaintif gagal mengemukakan sebarang autoriti bahawa defendan merupakan sebuah badan berkanun dalam makna s. 52 Akta dan oleh kerana plaintif telah gagal untuk meneruskan tindakan di Mahkamah Perusahaan, maka tuntutan plaintif untuk deklarasi adalah cacat dan harus dibatalkan. Sekiranya permohonan untuk deklarasi dibatalkan, maka tuntutan bagi ganti rugi dan lain-lain harus juga dibatalkan kerana tuntutan selainnya adalah bergantung kepada tuntutan deklarasi. Beliau memohon supaya permohonannya dibenarkan dengan kos.

Undang-Undang Di Bawah A.18 k. 19(1)(a) KKMT

Dalam kes *Pengkalen Holdings Bhd v. Dato' V Sivaparanjothi* [1998] 1 CLJ 164 pihak saya telah mengingatkan bahawa pembatalan pliding di bawah A.18 k.19 KKMT adalah kuasa berdasarkan budibicara untuk dilaksanakan secara

berjaga-jaga, menurut keadilan kes. Proses terus di bawah kaedah ini hanya boleh diterima-pakai apabila suatu tuntutan jelas tidak boleh dikekalkan atau pasti akan gagal.

Mahkamah Persekutuan dalam kes *New Straits Times (M) Sdn. v. Kumpulan Kertas Niaga Sdn Bhd & Anor* [1985] 1 MLJ 226 telah memutuskan bahawa dalam permohonan pembatalan pliding di bawah A.18 k.19 KKMT, tiada keterangan boleh diterima dan mahkamah hendaklah menimbangkan pliding sahaja bagi maksud untuk menentukan sama ada pernyataan tuntutan mendedahkan kausa tindakan yang munasabah atau pembelaan mendedahkan tidak ada pembelaan.

Mengenai pendekatan yang Hakim Dalam Kamar harus pakaikan dalam menimbangkan rayuan, Mahkamah Agung dalam kes *Seloga Jaya Sdn. Bhd. v. Pembenaan Keng Ting (Sabah) Sdn Bhd* [1994] 2 AMR 24-1232 telah memutuskan:

> 1(a) Apabila Hakim Dalam Kamar mendengar rayuan terhadap satu keputusan Pendaftar yang dibuat berasaskan budibicaranya, Hakim hendaklah menggunakan budibicaranya sendiri sama seperti hal perkara itu diputuskan yang dibuat oleh Pendaftar. Berhubung dengan keputusan Pendaftar itu, terserahlah kepada Hakim memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap keputusan itu.

Manakala Mahkamah Persekutuan dalam *Tuan Haji Ahmed Abdul Rahman v. Arab-Malaysian Finance Bhd* [1996] 1 AMR 215 menegaskan:

> 1(a) Apabila mendengar dalam kamar satu rayuan dan Keputusan Mahkamah Tinggi, hakim tidak menjalankan bidang kuasa rayuan dalam ertikata yang sama seperti ia mendengar rayuan dan satu penghakiman, keputusan atau perintah mahkamah rendah.
>
> (b) Rayuan dan keputusan Pendaftar adalah dengan cara mendengar semula dan perkara itu dianggap oleh hakim seolah-olah ia dibawa ke hadapannya buat kali pertama. Oleh itu hakim tidak terhad mendengar perkara-perkara yang dibangkitkan di hadapan Pendaftar sahaja.

Dengan itu, mahkamah akan memutuskan kes ini berpandukan kepada prinsip-prinsip yang digariskan di atas.

Adalah tidak dipertikaikan bahawa isu pemakaian s. 52 Akta telah tidak dibangkitkan di hadapan PKP, dan atas autoriti *Tuan Haji Ahmed*, maka ia tidak menjadi halangan kepada pihak-pihak daripada membangkitkan isu itu buat kali pertama di hadapan saya.

Pada pandangan saya, isu pokok dalam kes ini ialah sama ada defendan sebuah autoriti atau badan berkanun di bawah Akta.

Seksyen 52 Akta memperuntukkan:

52. Application

(1) Parts II, III, IV, V and VI shall not apply to any Government service or to any service of any statutory authority or to any workman employed by Government or any statutory authority.

(tekanan diberi)

Seksyen 20 Akta, yang mana defendan katakan terpakai dalam kes in adalah tergulung di bawah bahagian VI Akta itu. Bagi menyenangkan rujukan, saya perturunkan bahagian VI yang mengandungi s. 20 seperti di bawah ini:

Part VI

Representation on Dismissals

20. Representation on dismissals

(1) Where a workman, irrespective of whether he is a member of a trade union of workmen or otherwise, considers that he has been dismissed without just cause or excuse by his employer, he may make representations in writing to the Director General to be reinstated in his former employment; the representations may be filed at the office of the Director General nearest to the place of employment from which the workman was dismissed.

Selepas mengkaji kes ini pada keseluruhannya dan hujah-hujah kedua belah pihak termasuk autoriti-autoriti yang dikemukakan, saya dapati Akta 485 dan Regulations 1994 yang dihujahkan oleh defendan adalah tidak terpakai langsung kepada kes sekarang, kerana Akta 485 dan Regulations 1994 tersebut memperuntukkan di dalamnya hal-hal mengenai hak-hak keistimewaan dan kekebalan defendan, dan tidak terdapat apa-apa peruntukan di dalamnya yang mengatakan bahawa defendan bukan sebuah badan atau autoriti berkanun.

Untuk menentukan sama ada defendan sebuah autoriti berkanun dalam ertikata s. 52 Akta, kita perlu melihat Akta itu sendiri dan tidak perlu merujuk kepada autoriti-autoriti lain sekiranya Akta itu jelas dan mencukupi dalam peruntukan-peruntukannya. Seksyen 2 Akta (yang mana tidak dirujukkan oleh kedua belah pihak) mentafsirkan autoriti berkanun dengan terang dan mencukupi sebagai suatu autoriti atau badan yang ditubuh, dilantik atau dijadikan oleh mana-mana undang-undang bertulis, dan termasuk mana-mana autoriti tempatan (‘*statutory authority’ means an authority or body established, appointed or constituted by any written law, and includes any local authority*).

Seksyen 3(1) Akta Malaysia-Thailand Joint Authority 1990 (Akta 440) yang berkuatkuasa pada 23 Januari 1991 *vide* P.U(B)36, 17 Januari 1991, telah menubuhkan defendan sebagai sebuah badan yang bernama "Malaysia-Thailand Joint Authority" (There is hereby established a body by the name of the Malaysia-Thailand Joint Authority).

Walaupun Akta 440 tidak nyatakan dengan khusus bahawa 'Malaysia-Thailand Joint Authority' ialah sebuah autoriti atau badan berkanun, namun dengan wujudnya tafsiran autoriti berkanun atau 'statutory authority' di bawah s. 2 di atas itu, maka adalah cukup jelas bahawa defendan ialah sebuah autoriti atau badan berkanun yang telah ditubuhkan di bawah suatu undang-undang bertulis, iaitu Akta 440, dan oleh yang demikian, ia tidak syak lagi merupakan sebuah autoriti berkanun atau statutory authority bagi maksud s. 52 Akta. Justeru, oleh kerana tuntutan plaintif terbabit atas perkara perkhidmatan dengan defendan sebagai autoriti berkanun, maka Akta itu jelas tidak terpakai kepada defendan. Jadi, dengan dapatan itu, tuntutan plaintif tidak boleh dirujuk ke Mahkamah Perusahaan, dan dakwaan defendan bahawa plaintif mempunyai remedi alternatif di bawah s. 20 Akta adalah dengan itu, tersalah tanggap. Dalam hal ini, PKP juga tersalah arah dirinya dengan memutuskan bahawa plaintif mempunyai remedi alternatif untuk membawa kes ini ke Mahkamah Perusahaan. Atas alasan ini sahaja sudah memadai bagi mahkamah ini untuk memutuskan rayuan ini. Pliding dalam kes ini menunjukkan dengan jelas bahawa tuntutan plaintif mendedahkan kausa tindakan yang munasabah. Akhirnya, saya dapati permohonan defendan untuk pembatalan writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif secara terus di bawah A. 18 k. 19(1)(a) KKMT adalah tidak bermerit dan dengan ini, ditolak. Rayuan plaintif dibenarkan dengan kos.